

U 4223 AAB
(ULANGAN DENGAN PEMBETULAN)
ANWAR-MAHATHIR

PELABUHAN KLANG, 19 OGOS (BERNAMA) -- KETUA PERGERAKAN PEMUDA UMNO ENCIK ANWAR IBRAHIM MENYIFATKAN SEBAGAI TIDAK BENAR DAN TIDAK BERASAS LAPORAN AKHBAR YANG MEMBAYANGKAN BAHAWA PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD AKAN MELETAKKAN JAWATAN TIDAK LAMA LAGI.

BELIAU YANG JUGA MENTERI PELAJARAN BERKATA BERITA ITU HANYALAH REKAAN SEMATA-MATA DAN DISEBARKAN OLEH MEREKA YANG MAHU MENGGUGAT KEYAKINAN RAKYAT TERHADAP KEUTUHAN KERAJAAN BARISAN NASIONAL.

+GAYA PERCAYA KHABAR-KHABAR ANGIN ITU DISEBARKAN OLEH MEREKA YANG KECEWA KERANA BN TIDAK KALAH PADA PILIHAN RAYA UMUM BARU-BARU INI,+ KATA BELIAU.

+MEREKA BERASA IRI HATI KERANA RAKYAT TERUS MENERIMA KERAJAAN BN DALAM PILIHAN RAYA ITU KERANA YAKIN DENGAN DASAR-DASAR PEMERINTAHANNYA,+ KATA ENCIK ANWAR KETIKA MENJAWAB SOALAN PARA PEMBERITA YANG MENEMUINYA SELEPAS MAJLIS PENYAMPAIAN SIJIL INSTITUT TEKNOLOGI PEKERJA DI SINI.

SOALAN ITU TELAH DITIMBULKAN EKORAN LAPORAN TIDAK BERSUMBER YANG DIMUATKAN OLEH SEBUAH AKHBAR HARIAN BAHASA CINA AHAD LEPAS BAHAWA KHABAR-KHABAR ANGIN KINI TERSEBAR LUAS KONONNYA PEMIMPIN TERTINGGI KERAJAAN AKAN MELETAKKAN JAWATAN AKHIR BULAN INI. PEMIMPIN YANG DIMAKSUDKAN IALAH PERDANA MENTERI DATUK DR MAHATHIR.

LAPORAN ITU JUGA MENYEBUT BAHAWA KALANGAN-KALANGAN TERTENTU BERTARUH BERIBU-RIBU MENGENAI BENAR TIDAKNYA BERITA ITU. -- LAGI
1726MST 19 DA RA

U B469 AAB
(ULANGAN DENGAN PEMBETULAN)
ANWAR-MAHATHIR 2 PELABUHAN KELANG

ENCIK ANWAR BERKATA DATUK SERI DR MAHATHIR TELAH DIBERITAHU MENGENAI PERKARA ITU DAN BELIAU (DATUK SERI DR MAHATHIR) MENYIFATKANNYA SEBAGAI TIDAK BERASAS DAN TIDAK PENTING SERTA TIDAK MENDATANGKAN APA-APA KESAN KEPADA DIRI BELIAU.

ENCIK ANWAR BERKATA DENGAN KEMENANGAN BN YANG SEBEGITU BESAR PADA PILIHAN RAYA UMUM BARU-BARU INI, YANG MEMBUKTIKAN BAHAWA RAKYAT MENERIMA DASAR-DASARNYA, TIDAK MUNASABAH UNTUK DATUK SERI DR MAHATHIR MELETAKKAN JAWATAN.

SEKIRANYA RAKYAT MENERIMA DASAR-DASAR KERAJAAN BN DI BAWAH PEMERINTAHAN BELIAU, TIDAK ADA SEBAB KENAPAKAH PERDANA MENTERI HENDAK MELETAKKAN JAWATAN ATAU PUNYAI NIAT BERBUAT DEMIKIAN, TAMBAH BELIAU.

BELIAU BERPENDAPAT KHABAR-KHABAR ANGIN ITU DIBUAT-BUAT OLEH MEREKA YANG TAMAKKAN KUASA DAN KECEWA DENGAN KEMENANGAN BN PADA PILIHAN RAYA SERTA BERTUJUAN MENGGONCANGKAN KEYAKINAN RAKYAT TERHADAP PUCUK PIMPINAN BN.

SEBELUM PILIHAN RAYA, GOLONGAN INI JUGALAH YANG MENYEBARKAN DAKYAH MENYATAKAN BN AKAN KALAH TERUK, KATA ENCIK ANWAR. -- BERNAMA
1728MST 19 08 86